

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	02 JANUARY 2017

Terdesak guna sentimen agama

UM - 2/1/2017

ALOR SETAR 1 Jan. - Badan Perhubungan UMNO negeri menyifatkan tindakan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai terdesak apabila melabelkan umat Islam yang ditaja menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mendapat haji mabrur.

Pengerusinya, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah berkata, bekas Perdana Menteri itu seakan terdesak sehingga sanggup menggunakan sentimen agama bagi menyerang kerajaan demi mencapai matlamat politiknya.

“Soal mabrur atau tidak, itu kerja Allah SWT. Kerja kita hanya menjalankan ibadat, pergi menunaikan haji. Siapa kita untuk menentukan mabrur atau tidak.

“Sebagai orang yang berpengalaman dalam politik, beliau sepatutnya tidak menggunakan sentimen agama untuk kepent-

Haji 1MDB tidak mabrur - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 30 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mendapat haji yang mabrur.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu membuat dakwaan berkenaan sewaktu berceramah di Taman Wira Mergong,

Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.

Katanya, haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut kononnya haram kerana dicuri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Najib boleh menghantar 1,000 orang ke tanah suci kerana dia menggunakan duit curi, jadi penghantaran mereka ini ke Mekah adalah tidak mabrur.

“Apa yang jadi saya ingat mere-

ka tidak mendapat haji mabrur, tetapi Najib sanggup melakukan apa sahaja,” katanya.

Dalam masa sama, beliau memburukkan Perdana Menteri kononnya tergamak menggunakan duit curi semata-mata mahu ‘membeli’ hati rakyat.

“Inilah sikap Najib yang sanggup melakukan apa sahaja dan sehingga hari ini, kerajaan kita kekurangan duit. Malah, rakyat terpaksa

megeharkan wang sendiri contohnya ke hospital, kita terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk membeli ubat,” katanya.

Tuduhan sedemikian tidak mengejutkan kerana Dr. Mahathir juga pernah mengatakan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang memberi manfaat kepada jutaan rakyat yang memerlukan sebagai salah satu bentuk rasuah dan haram diterima.

KERATAN Utusan Malaysia 31 Disember 2016.

ingan politik. Soal agama ini, urusan kita dengan Allah SWT. Janganlah, kita timbulkan isu ini kerana itu bukan hak manusia.

“Misalnya, saya menaja kawan-kawan yang tidak mampu untuk melaksanakan ibadah haji, adakah haji mereka juga tidak mabrur? Kita cuma boleh berdoa kepada Allah SWT untuk menerima ibadat kita sahaja,” katanya di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu membuat dakwaan dengan me-

nyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-1MDB tidak mendapat haji mabrur sewaktu berceramah di Taman Wira Mergong, di sini baru-baru ini.

Ahmad Bashah memberitahu, pihaknya turut berasa kesal dengan tindakan Dr. Mahathir yang menyifatkan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang memberi manfaat kepada jutaan rakyat di negara ini sebagai rasuah dan haram diterima.